

07 AUG 2001

DINAR-BENTENG

DINAR EMAS ISLAM BOLEH JADI BENTENG KETIDAK STABILAN DOLAR AS

PULAU PINANG, 7 Ogos (Bernama) -- Dinar emas dan dirham perak Islam boleh bangkit untuk menjadi benteng terhadap ketidak stabilan dolar Amerika dalam masa tidak sampai lima tahun, kata Pengarah Pertubuhan Perdagangan Islam Sedunia (WITO), Umar Ibrahim Vadillo.

Beliau merasakan bahawa walaupun pada mulanya orang lambat menerima matawang Islam itu, namun kedua-dua dinar dan dirham akan menjadi lebih komersil dalam jangka terdekat ini.

"Mempunyai satu matawang utama (dan stabil) di kalangan negara-negara Islam adalah lebih logik dan wajar daripada semata-mata bergantung kepada dolar AS," katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu syarahan awam antarabangsa bertajuk 'Kebangkitan Semula Islam Fiskal' yang disampaikan oleh pengasas Pergerakan Sedunia Murabitun, Shaykh Abdalqadir As-Sufi, di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff, serta Naib Canselor USM, Prof Datuk Dzulkifli Abdul Razak.

Umar, yang juga Presiden e-dinar Ltd, berkata, dinar dan dirham, yang menyediakan mekanisme alternatif kepada negara-negara Islam, dianggap sama fleksibel seperti mana-mana instrumen lain.

Dengan kehadiran lebih sebilion umat Islam di dunia, dinar boleh digunakan secara meluas di kalangan mereka, katanya.

Beliau menjelaskan bahawa setakat ini, e-dinar Ltd, melalui laman webnya [www.e-dinar.com](http://www.e-dinar.com), telah mengkomersilkan dagangannya dengan menggunakan dinar. Laman web itu telahpun mempunyai lebih 300,000 anggota berdaftar dari lebih 160 buah negara.

Menurut beliau, laman web yang telah diperkenalkan 10 bulan lalu itu mendapat sambutan yang lebih besar daripada orang ramai selepas pertemuan antara Shaykh Abdalqadir dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir melahirkan rasa puas hatinya terhadap matawang Islam itu kerana ia akan merintis "laluhan baru dalam masyarakat Islam dan boleh menjadi permulaan bagi kewujudan dunia Islam".

Menyentuh tentang e-dinar.com, beliau berkata pertumbuhan laman web itu adalah pada kadar kira-kira 20 peratus setiap bulan dengan 300 orang mendaftarkan diri setiap hari.

Umar merasakan bahawa adalah lebih baik bagi sesebuah negara itu melaksanakan sepenuhnya penggunaan dinar Islam daripada menunggu arahan daripada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kerana ia akan mengambil masa yang lebih lama untuk melaksanakannya.

Menggunakan emas sebagai komoditi akan mengelakkan negara-negara Islam daripada terjerumus ke dalam perangkap Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana walaupun berlaku krisis kewangan, nilai wang tetap tidak berubah.

"Wang kertas tidak mempunyai definisi; lihat apa yang telah terjadi kepada Turki apabila nilai matawangnya jatuh lebih 30 peratus dalam sekelip mata.

"Rakyat menderita disebabkan oleh fenomena ini," kata Umar.

Sementara itu, Shaykh Abdalqadir memuji Dr Mahathir kerana pendekatan realistik dan pemikiran modennya terhadap matawang Islam dan keberanian beliau dalam menyuarakan pendapatnya mengenai kepincangan sistem kewangan kapitalis. -- BERNAMA

SA SHY KY OS

